



سُلطَانِيْ بِنْ مُحَمَّدٍ فَقِيْدِيْ بِنْ الْأَمَانِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN  
ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN  
05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795  
Faks : 04-702 7720  
(Bhg. Kewangan)  
: 04-702 7722  
(Bhg. Perbendaharaan)  
Laman Web : ppnk.kedah.gov.my  
E-mail : pkpnk@kedah.gov.my

فَرَسِيْتَهُ  
KEDAH SEJAHTERA  
NIKMAT UNTUK SEMUA

Ruj. Kami : (29) dlm PKw.N(K) 1521 Jld 3  
Tarikh : 12 Ramadan 1443 H  
14 April 2022 M

## SEMUA KETUA JABATAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB Dato' Paduka / YB Dato' / YAA Dato' / YBhg Dato' /Tuan / Puan,

### PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI BIL 2/2022 PERATURAN BANTUAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2022

#### 1. TUJUAN

Pekeling ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri berkaitan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman.

#### 2. LATAR BELAKANG

Kerajaan telah memutuskan supaya Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 sebanyak RM1,000.00 dibayar kepada semua gred Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri termasuk lantikan kontrak dan Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

#### 3. PERATURAN PERLAKSANAAN PEMBAYARAN

- 3.1 Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 ini akan diberi kepada semua Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kedah Darul Aman yang masih berkhidmat sehingga 28 April 2022. Bayaran ini akan dibuat secara prorata berdasarkan bilangan hari perkhidmatan sepanjang Januari hingga April 2022.
- 3.2 Bagi pegawai negeri yang bertukar keluar ke Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan, Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 hendaklah dibayar oleh agensi yang menerima pegawai. Manakala bagi pegawai yang bertukar dari Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan ke Jabatan Negeri, bayaran akan dibuat oleh Jabatan Negeri yang berkenaan.

#### **4. TARIKH PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 sebanyak RM1,000.00 ini akan dibayar pada **28 April 2022**.

#### **5. PEGAWAI / ANGGOTA PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI YANG LAYAK DIBAYAR**

Tertakluk kepada perenggan 3 di atas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 adalah seperti berikut:

- 5.1 Pegawai lantikan tetap, kontrak dan Guru Interim;
- 5.2 Pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 5.3 Pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 5.4 Pegawai yang bercuti tanpa gaji (dibayar berdasarkan tempoh berkhidmat sepanjang Januari hingga April 2022);
- 5.5 Pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasangkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Aidilfitri ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai;
- 5.6 Pemandu yang dilantik oleh Pegawai Gred Jawatan Utama B dan ke atas, serta Gred Khas A dan ke atas yang layak pemandu tetap tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya; dan
- 5.7 Pegawai lantikan baharu (hendaklah berkhidmat sekurang-kurangnya 30 hari dalam tahun 2022);
- 5.8 Anggota Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah.

#### **6. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK DIBAYAR**

Pegawai yang tidak layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 adalah :

- 6.1 Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022;
- 6.2 Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022;
- 6.3 Pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022; dan

6.4 Pegawai yang bersara dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022.

## 7. PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BANTUAN KHAS AIDILFITRI

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 ini. Pegawai hanya layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

## 8. PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)

Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 sebanyak RM1,000.00 dipanjangkan kepada PSH yang masih berkhidmat pada 28 April 2022 dengan syarat tempoh kontraknya telah berkuat kuasa sekurang kurangnya 30 hari dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 28 April 2022.

## 9. PERATURAN PERLAKSANAAN BANTUAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2022

9.1 Bayaran bagi pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri di mana gajinya dibayar melalui sistem gaji berkomputer (payroll) perkara berikut hendaklah dipatuhi:-

- i. Perbendaharaan Negeri akan mengeluarkan Laporan G004.
- ii. Jabatan hendaklah mencetak dan menyemak amaun bayaran Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 di Laporan G004 terutama sekali bagi mereka yang tidak layak menerima bayaran sepenuhnya atau yang memerlukan kiraan prorata.

**Contoh perkiraan :RM1000 x HARI BERKHIDMAT  
118 HARI**

- iii. Sebarang pindaan di Laporan G004 tidak dibenarkan kecuali bagi kes-kes berikut:
  - a) Bersara
  - b) Meninggal dunia
  - c) Tindakan tatatertib
  - d) Letak Jawatan
  - e) Cuti Tanpa Gaji

Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan mengutip semula atau memotong sepenuhnya daripada gaji bulan berikut amaun yang tidak layak diterima oleh seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Negeri; dan

- iv. Laporan G004 hendaklah disahkan oleh Ketua Jabatan :-

**“Dengan ini disahkan bahawa maklumat / data Laporan G004 (termasuk pindaan ) adalah betul dan tidak berlaku pembayaran dua kali atau pembayaran dibuat lebih. Jika berlaku Jabatan saya bertanggungjawab memungut balik lebihan tersebut..”**

**(Tandangan & Cop Jabatan)**

- v. Laporan yang telah disahkan hendaklah dihantar kepada Perbendaharaan Negeri Kedah Darul Aman selewat-lewatnya pada hari Isnin, 18 April 2022 jam 12.00 tengah hari. **Jabatan yang gagal berbuat demikian menyebabkan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 dibayar lewat.**
- vi. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak tersenarai dalam Laporan G004 Bayaran Khas Aidilfitri Tahun 2022 hendaklah dibayar melalui baucar berasingan serta merta.

#### **9. 2 Pembayaran Melalui Baucar Berasingan**

Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 yang dibayar melalui baucar berasingan hendaklah disertakan penyata perubahan Kew. 8 dan dokumen sokongan yang lain.

#### **9.3 Pelarasan Untuk Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022**

Pelarasan yang sewajarnya jika perlu hendaklah dibuat oleh Jabatan dalam tahun 2022 sahaja.

#### **9.4 Kod urus niaga yang perlu digunakan bagi bayaran Bantuan Khas Aidilfitri 2022 adalah seperti berikut:-**

KOD SODO	PERIHAL
B0117102	<b>Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022</b>
B0229306	<b>Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022</b> <b>Pekerja sementara / sambilan yang tidak menyandang jawatan tetap.</b>

### **10. TANGGUNGJAWAB PEMBAYARAN**

Pembayaran Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2022 ini adalah menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

## 11. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KEDAH SEJAHTERA-NIKMAT UNTUK SEMUA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ABDUL MAJID BIN SALLEH, C.A.(M))**

Bendahari Negeri  
b.p. Pegawai Kewangan Negeri  
Kedah Darul Aman

Tel : 04-7027770 / 7771 / 7772 / 7773 / 7774  
Emel : pkpk\_emolumen@kedah.gov.my

s.k. YB Dato' Paduka Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kedah Darul Aman

Pengarah Audit Negara, Negeri Kedah Darul Aman